

Peningkatan tempahan secara online Sistem Penyewaan Kemudahan Kerajaan

Sistem Penyewaan Kemudahan Kerajaan secara *online* atau Facilities Rental System (FRS) yang menggunakan kaedah perkongsian awam dan swasta atau Public Private Partnership (PPP) di antara Jabatan Perbendaharaan dan Syarikat Telekom Brunei Berhad (TelBru) yang telah dilancarkan pada 22 Ogos 2016 yang lalu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. FRS membolehkan orang ramai khususnya para pengguna untuk membuat tempahan bagi menggunakan kemudahan-kemudahan awam sama ada untuk tujuan bersukan dan riadah mahupun bagi pelbagai kegiatan sosial.

Kemudahan-kemudahan awam ini termasuklah yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan; Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Sejak dilancarkan, tempahan bagi tempat sukan dan riadah secara *online* semakin meningkat contohnya dalam bulan ketiga dilaksanakan, iaitu Oktober 2016 sahaja, sebanyak 565 tempahan telah dibuat. Iaitu peningkatan lebih 400 peratus berbanding bulan September sebelumnya. Antara jenis sukan yang menerima banyak tempahan adalah futsal, iaitu sebanyak 379 tempahan, bola sepak 151 tempahan, netball 80 tempahan, badminton 71 tempahan dan tenis 33 tempahan. Kemudahan-kemudahan lain yang juga menerima peningkatan tempahan secara *online* termasuklah snooker dan billiard, dodgeball, volleyball dan skuasy.

Dalam masa yang sama, kemudahan yang paling popular menerima tempahan secara *online* adalah Padang Futsal JKR, Padang Futsal Kompleks Sukan Menglait, Padang Futsal 'A' Kompleks Sukan Berakas, Padang Futsal 'B' Kompleks Sukan Berakas dan Padang Bola Sepak JKR.

Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan terus mengalu-alukan agensi-agensi kerajaan lain untuk sama-sama ikut serta dalam penyediaan kemudahan-kemudahan masing-masing untuk didaftarkan di dalam FRS bagi membolehkan tempahan dibuat secara *online* dan memudahkan orang awam menggunakannya.

Jabatan Perbendaharaan juga mengalu-alukan orang ramai untuk menggunakan kemudahan kerajaan bukan sahaja tempat-tempat sukan dan riadah malahan dewan-dewan dan letak kereta bagi tujuan kekeluargaan, mesyuarat, perniagaan atau latihan. Ini termasuklah dewan-dewan terpilih di Pusat Persidangan Antarabangsa, Pusat Belia dan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Dewan Teater Kementerian Kewangan dan beberapa kemudahan kerajaan lain yang telah pun berdaftar dengan FRS.

Dengan kemudahan secara *online* ini, orang ramai tidak perlu mengunjungi tempat-tempat tersebut untuk membuat tempahan sebaliknya hanya dengan melayari laman sesawang www.12book.com.bn mereka boleh mengetahui kadar sewa, tarikh kekosongan dan jenis kemudahan yang disediakan.

Ini boleh menjimatkan masa dan mengurangkan keperluan bagi membuat perjalanan ke tempat-tempat berkenaan bagi tujuan menempah. Tempoh penempahan boleh dibuat 90 hari lebih awal dari tarikh penggunaan. Ini akan membolehkan para penganjur membuat perancangan lebih awal bagi penganjuran sesuatu acara dan menyediakan masa yang mencukupi bagi mengumpulkan dan menggalakkan penyertaan orang ramai bagi sukan dan acara-acara tersebut.

Untuk maklumat lanjut bolehlah menghubungi Jabatan Perbendaharaan menerusi talian telefon +673 2383444 atau melalui e-mel ppp@treasury.gov.bn atau melayari www.12book.com.bn.



[SIGN UP](#) | [LOGIN](#)

[HOME](#) | [ADVANCED SEARCH](#)

**1-2-BOOK**
online venue booking system

FROM SATURDAY TO SUNDAY

1-2-Book

4 Badminton

\$10 per hour

Category--

District--

01/08/2018

Football Field at Pangkalan

Facility--

\$100 every two hours from 8am to 6pm

Search



1-2-Book is an online marketplace that helps people find great local spaces. We make it easy for you to list your venues on the site and make it even easier for people to find them. Users can easily find and book their ideal space through the 1-2-Book directory and booking system. At the same time, we open access to the countless of people looking for space every day to hold events, host a meeting, or give training. You can now utilize your idle space more effectively and make additional profits by maximizing your property.

Explore our Listed Facilities



Badminton



Basketball



Car Park

My Account > Search Facilities

Category	All	Facility	All
District	Brunei Muara	Kampong	All
Frequency	☒ Everyday ☐ Selection of Different Days & Time		
Price Between	0 and 0	From Date	01/08/2018
		To Date	01/08/2018 ☐ Full day
Search			

Search Results



JKR-Netball -Kompleks Sukan

☆☆☆☆☆

12Book-JKR-001

 Brunei Muara
 1-2-Book



JKR-Volleyball Court-Kompleks Sukan

☆☆☆☆☆

12Book-JKR-003

 Brunei Muara
 1-2-Book



JKR-Futsal Half Court-Kompleks Sukan

☆☆☆☆☆

12Book-JKR-009

 Brunei Muara
 1-2-Book



KKBS-Badminton Court 1-Pusat Belia, BSB

☆☆☆☆☆

12Book-KKBS-001

 Brunei Muara
 1-2-Book

Kementerian Kewangan